

**Mesyuarat Agung Perwakilan Khas KPF dibatal**  
**The Malaysian Insider**  
**21 Februari , 2012**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 21 Feb — Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) hari ini memaklumkan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas yang dijadualkan berlangsung esok telah dibatalkan atas perintah Mahkamah Tinggi Kuantan yang melarang sebarang perbincangan berkenaan penyenaian Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH).

Setiausahanya, Abidin Abd Rahman dalam satu kenyataan berkata pembatalan mesyuarat yang dijadualkan di Dewan Perdana Felda, Anjung Felda itu berdasarkan Injunksi Interim yang dikeluarkan mahkamah berkenaan pada 17 Febuari lalu.

“Pembatalan ini disebabkan oleh perintah Mahkamah Tinggi Kuantan, melalui perintah injunksi interim,” jelasnya dalam kenyataan tersebut.

Mahkamah Tinggi Kuantan pada 17 Febuari lalu telah mengeluarkan injunksi interim melarang KPF (defendan) berbincang atau membuat keputusan untuk melupuskan ekuitinya kepada FGVH.

Injunksi itu telah dipohon oleh lapan pemegang saham (plaintif) KPF melalui peguam Harris Abdullah.

Antara permohonan yang dibuat plaintif adalah injunksi interim yang melarang sebarang perbincangan, menguatkuasakan sebarang keputusan, dan melupuskan samada kesemua atau sebahagian ekuiti yang dimiliki oleh defendan dalam Felda Holding dan sepuluh anak syarikat milik FGVH.

Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) secara rasmi menyerahkan keputusan mahkamah itu kepada KPF di ibu pejabatnya, di Jalan Semarak semalam.

Putrajaya telah menyatakan hasrat untuk menyenaraikan FGVH pada April ini seperti yang diumumkan ketika pembentangan Belanjawan 2012 lalu.

Namun begitu, tindakan tersebut mendapat tentangan hebat daripada banyak pihak termasuk pembangkang dan penentang utama penyenaian berkenaan Anak.

Anak, melalui presidennya, Mazlan Aliman sebelum ini mendakwa, Felda Holdings Berhad (Felda) akan mengalami defisit berjumlah RM1.5 bilion setahun sekiranya rancangan penyenaian FGVH diteruskan.